

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANTHONY CHARLES SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB TUAN ANTHONY CHARLES SANTIAGO [KLANG] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk  
menutup jurang kekayaan di antara orang kaya dan miskin. Adakah  
jurang kekayaan bertambah merosot di Malaysia.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga indikator yang diguna pakai untuk mengukur jurang pendapatan dalam kalangan rakyat, iaitu pekali Gini, nisbah ketidaksamaan pendapatan dan agihan pendapatan antara kumpulan pendapatan isi rumah. Pekali Gini digunakan untuk mengukur ketidakseimbangan pendapatan dalam kalangan masyarakat di satu kawasan yang sama, misalnya di antara isi rumah berpendapatan terendah dan isi rumah berpendapatan tertinggi di kawasan bandar atau luar bandar. Bagi melihat jurang di antara dua kawasan yang berbeza seperti luar bandar-bandar atau Semenanjung Malaysia-Sabah atau Semenanjung Malaysia-Sarawak, ukuran nisbah ketidaksamaan pendapatan lebih sesuai digunakan. Indikator agihan pendapatan pula mengukur peratus agihan pendapatan negara antara kumpulan pendapatan isi rumah seperti kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, 40 peratus pertengahan dan 20 peratus tertinggi.

Berdasarkan dapatan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2014, pekali Gini semakin berkurang daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.431 pada tahun 2012 dan seterusnya kepada 0.401 pada tahun 2014. Nisbah ketidaksamaan pendapatan di antara kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20) juga berkurangan daripada 1:6.94 kepada 1:6.58 dan seterusnya 1:5.64

dalam tempoh yang sama. Ini menunjukkan bahawa jurang pendapatan semakin bertambah baik di Malaysia.

Bagi memastikan jurang pendapatan rakyat ditangani secara berterusan, Kerajaan akan meneruskan prinsip dan pendekatan pembangunan secara inklusif sepertimana yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Tumpuan akan terus diberikan untuk meningkatkan penyertaan isi rumah B40 tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi dalam aktiviti ekonomi. Inisiatif utama termasuk:

- **Pertama: Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** dengan membesarkan saiz masyarakat kelas menengah; mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40; memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan; dan
- **Kedua: Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang

bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program  
pengurusan kewangan dan hutang.

Sekian. Terima kasih.